

# Kes positif hampir 20,000

Sinar HARI, 05/08/2021 kals 09

Malaysia sekali lagi rekod kes jangkitan tertinggi dengan 19,819 kes baharu pada Rabu

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN

## PUTRAJAYA

**D**i sebalik kehangatan krisis politik, negara sekali lagi merekodkan jangkitan Covid-19 tertinggi dengan 19,819 kes baharu dilaporkan pada Rabu manakala kes kematian juga paling tinggi apabila mencatatkan 257 kes maut.

Lebih 11,000 kes harian positif dilaporkan di Lembah Klang iaitu 8,377 di Selangor dan 2,467 di Kuala Lumpur.

Kedah pula mencatatkan 1,371 kes diikuti Kelantan (1,003), Johor (1,162), Sabah (949), Pulau Pinang (867), Negeri Sembilan (800), Perak (662), Pahang (558), Melaka



Petugas kesihatan Bulan Sabit Merah yang lengkap memakai peralatan perlindungan peribadi (PPE) membawa keluar seorang warga asing yang dipercayai menghidap Covid-19 untuk diberikan rawatan di kediamannya di sekitar ibu kota pada malam Selasa.

(508), Terengganu (481), Putrajaya (48), Perlis (11) dan Labuan (lima).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian yang dilaporkan, se-

banyak 375 kes membabitkan kategori tiga, empat dan lima manakala sebanyak 19,444 kes lagi kategori satu dan dua.

"Pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes 1,183,110 kes.

"Terdapat 210,522 kes aktif di seluruh negara ter-

masuk 1,069 memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dan 553 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, kes kematian yang dilaporkan melibatkan 91 kes di Selangor, Kuala Lumpur (74), Melaka (24), Negeri Sembilan (9), Perak (9), Kedah (8), Sabah (6) dan Terengganu (4).

"Tiga kes kematian turut dilaporkan di Pulau Pinang dan Kelantan manakala satu di Pahang," katanya.

Tambah beliau, daripada jumlah itu terdapat 21 kes mayat di bawa ke hospital (DIB) dan selebihnya meninggal dunia di fasiliti kesihatan.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah keseluruhan kematian ialah 9,855 kes.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 12,704 kes sembuh sekali gus menjadikan jumlah kumulatifnya 962,733 kes bersamaan 81.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Beliau turut memberitahu, sebanyak 35 kluster baharu dikenalpasti melibatkan 20 kluster komuniti, 14 kluster tempat kerja dan satu kluster keagamaan.

Jumlah keseluruhan kluster yang dikesan ialah 3,796 dan 2,635 daripadanya telah diisytiharkan tamat.

## Johor perlukan kadar vaksinasi 70,000 dos sehari - TMJ

**JOHOR BAHRU** - Tunku Ismail Sultan Ibrahim mahu kadar vaksinasi di negeri ini dipertingkatkan sehingga 70,000 dos sehari.

Tunku Mahkota Johor berkata, ketika ini kadar vaksinasi di Johor adalah sebanyak 50,000 dos sehari.

"Memandangkan situasi ini, saya berpendapat bahawa kadar vaksinasi perlu dipertingkatkan lagi sehingga 70,000 dos sehari secepat mungkin.

"Saya juga ingin mencadangkan supaya Operation Surge Capacity turut dilaksanakan di Johor," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Unit Media dan Komunikasi Istana Bukit Pelangi di sini pada Rabu.

Kenyataan Tunku Mahkota Johor itu turut dimuat naik dalam Facebook rasmi miliknya, HRH Crown Prince of Johor.

Tunku Ismail menyeru kerajaan untuk meningkatkan lagi bekalan vaksin kepada Johor agar kadar vaksinasi dapat dipertingkatkan sekali gus membolehkan imuniti kelompok dicapai lebih awal.


"Dengan varian Delta yang sedang menular, hanya vaksinasi yang dapat membendung wabak ini secara berkesan. Kesihatan dan keselamatan rakyat mesti sentiasa diutamakan," katanya.

Pada 25 Julai lalu, Tunku Ismail mahu kerajaan negeri mencari pelbagai jalan untuk meningkatkan kadar vaksinasi penduduk di negeri ini termasuk dengan langkah mendapatkan vaksin secara langsung bagi memulihkan kembali ekonomi setempat.

"Saya benar-benar memahami tentang rungutan rakyat Johor mengenai kadar vaksinasi di negeri ini yang perlahan. Ia perlu segera dipercepatkan untuk memastikan kita dapat mencapai imuniti kelompok dan membolehkan ekonomi Johor kembali pulih dengan cepat," kata Tunku Mahkota Johor itu.

# SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

## KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



**Kategori 1**  
Tanpa gejala

**Kategori 2**  
Gejala ringan

**Kategori 3**  
Jangkitan paru-paru


**Kategori 4**  
Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen

**Kategori 5**  
Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia



## Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



\* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 4 Ogos 2021

## JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	1,183,110	PULIH: 962,733	ICU: 1,069	KEMATIAN: 9,855	KES BAHARU 19,819	SUDAH DIVAKSIN 22,152,367
---------------------	-----------	----------------	------------	-----------------	-------------------	---------------------------